

**PENUTUPAN SEMUA CAWANGAN KWSP BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN
 PERGERAKAN PENULARAN COVID-19
 SOALAN LAZIM (FAQs)**

Bil	Soalan	Cadangan jawapan
1.	Saya ingin membuat pengeluaran daripada akaun KWSP. Bagaimanakah caranya?	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa Skim Pengeluaran yang boleh dilakukan secara dalam talian. Sila rujuk laman web KWSP untuk Skim Pengeluaran sedia ada yang dibenarkan dan prosedur pengeluaran yang berkenaan.
2.	Berikutan penutupan perniagaan, bolehkah ahli membuat pengeluaran daripada Akaun 2 untuk kegunaan harian?	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran daripada akaun ahli KWSP hanya berdasarkan skim pengeluaran sedia ada. Sila rujuk laman web KWSP untuk senarai skim pengeluaran tersebut.
3.	Adakah majikan wajib mencarum ke dalam akaun KWSP jika pekerja terpaksa mengambil cuti tanpa gaji?	<ul style="list-style-type: none"> • Jika pekerja mengambil cuti tanpa gaji untuk bulan tertentu, majikan tidak wajib mencarum untuk tempoh tersebut.
4.	Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan, adakah tanggungjawab majikan & pekerja mencarum ke dalam akaun KWSP akan diberhentikan atau diteruskan seperti biasa?	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan dan pekerja bertanggungjawab untuk membayar caruman KWSP berdasarkan upah yang kena dibayar menurut Akta KWSP 1991. • Pada ketika ini, tiada pengecualian bagi pembayaran caruman KWSP berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan.
5.	Sebagai ahli KWSP, apa yang boleh saya lakukan melalui i-Akaun?	<p>Melalui i-Akaun versi laman web, ahli boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kemukakan permohonan untuk pengeluaran secara dalam talian melalui e-Pengeluaran; • semak penyata tahunan KWSP; • semak status aplikasi pengeluaran; • akses sejarah pengeluaran; • sahkan status penamaan; • kalkulator bagi mengira anggaran amaun kelayakan pengeluaran perumahan, anggaran bagi simpanan persaraan dan pengeluaran pelaburan ahli; • semak transaksi caruman KWSP untuk tempoh 2 tahun sebelum; • daftar untuk Simpanan Syariah; dan

		<ul style="list-style-type: none"> • daftar masuk ke i-Invest – untuk transaksi skim pelaburan ahli.
6.	<p>Sebagai majikan, apa yang boleh saya lakukan melalui i-Akaun Majikan?</p>	<p>Melalui i-Akaun Majikan versi laman web;</p> <p>Majikan boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akses e-Caruman untuk: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kemukakan data Borang A bersama bayaran; ▪ Kemukakan data Borang A sahaja; ▪ Kemukakan bayaran Borang A sahaja; ▪ Akses fasiliti e-CTML untuk mengemukakan butiran penyelesaian CTML; ▪ Semak nombor KWSP pekerja; ▪ Daftar ahli KWSP baharu; ▪ Kira dividen syer majikan untuk majikan Kerajaan; ▪ Semak transaksi semasa caruman KWSP; dan ▪ Semak log aktiviti i-Akaun.
7.	<p>Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan, perkhidmatan apakah yang ditangguhkan?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Semua perkhidmatan kaunter ditangguhkan buat masa ini. <p><u>Untuk Ahli:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan yang berikut adalah ditangguhkan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pendaftaran i-Suri; ▪ Pendaftaran i-Saraan; ▪ Penamaan; ▪ Pengeluaran pertama umur 50/ 55 (perlu pengesahan cap ibu jari); ▪ Pengeluaran meninggalkan negara; ▪ Pendaftaran ahli baharu; dan ▪ Pengemaskinian maklumat peribadi ahli. • Sila ambil maklum bahawa perkara-perkara berkaitan kematian, kesihatan dan kehilangan upaya akan dikendalikan berdasarkan kes tertentu. Ahli dinasihati untuk menghantar e-mel melalui https://www.kwsp.gov.my/ms/reach-us/connect-with-us/make-an-enquiry dengan memilih Jenis Pertanyaan 'Perkhidmatan KWSP' dan Bidang 'Pengeluaran'.

		<p><u>Untuk Majikan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran caruman melalui kaunter peresitan di KWSP ditangguhkan, walau bagaimanapun bayaran caruman KWSP boleh dilakukan melalui Perbankan Internet, Online Banking dan melalui ejen Bank. • Sila ambil maklum bahawa majikan yang ingin membuat bayaran caruman boleh melakukannya di bank yang beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini atau melalui e-Caruman i-Akaun Majikan. • Denda untuk caruman lewat juga boleh diselesaikan di kaunter bank.
8.	<p>Adakah tempoh proses permohonan pengeluaran akan tergendala berikutan Perintah Kawalan Pergerakan?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi permohonan pengeluaran yang diterima semasa tempoh tersebut, jangka masa proses akan mengalami kelewatan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan.

-tamat-